

Ismail Sabri dijangka sambung beri keterangan minggu depan

Siasatan berkait perbelanjaan dan perolehan dana promosi program Keluarga Malaysia

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Serdang: Proses mengambil keterangan Perdana Menteri kesembilan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berhubung siasatan kes rasuah serta pengubahan wang haram dijangka disambung minggu depan.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan perkara itu kepada *BH*, namun tiada maklumat mengenai tarikh dijadualkan bagi



mengambil keterangan itu.

“Ismail Sabri akan dipanggil untuk sambung rakaman percakapan pada masa terdekat, kemungkinan besar minggu depan, bergantung kepada dokumen dari institusi kewangan yang perlu dibekalkan beliau (kepada SPRM),” menurut sumber itu.

Ahli Parlimen Bera itu disiasat berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram berhubung perbelanjaan dan perolehan dana untuk promosi serta publisiti program Keluarga Malaysia ketika tempoh perkhidmatan beliau sebagai Perdana Menteri da-

ri Ogos 2021 hingga November 2022.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

7 kali hadir beri keterangan

Setakat ini, Ismail Sabri sudah tujuh kali hadir ke Ibu Pejabat SPRM bagi memberi keterangan. Kali terakhir keterangan dibuat 24 Mac lalu, yang mana proses itu mengambil masa lima jam. Sehingga kini, lebih 30 jam sesi keterangan direkodkan sejak kali pertama dibuat.

BH sebelum ini melaporkan Ismail Sabri sudah memberi keterangan kepada pegawai penyiasat selama lima jam sehari selepas beliau membuat pengisytiharan harta pada 10 Februari lalu.

Beberapa hari kemudian, empat individu, termasuk dua bekas pegawai kanannya ditahan SPRM untuk siasatan lanjut.

Ia kemudian membawa kepada serbuan ke tiga premis dengan

penemuan wang tunai pelbagai negara berjumlah RM170 juta dan 16 jongkong emas bernilai RM7 juta di sebuah kondominium yang didakwa sebagai *safehouse*.

